



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (91)

SIARAN MEDIA

BURU 5.0 HIMPUN 600 PESERTA, BANTU KAWAL BAUNG EKOR MERAH DAN PELIHARA IKAN ASLI DI JELEBU

JELEBU, 16 Ogos 2026 — Ekspedisi Memburu Baung Ekor Merah Siri Ke-5 (BURU 5.0) di Dataran Empangan Sungai Buloh, Jelebu menghimpunkan seramai 600 peserta, sekali gus memperlihatkan penglibatan komuniti dalam membantu usaha mengurus spesies ikan asing serta memelihara kelestarian ekosistem perairan darat dan populasi ikan asli di Sungai Triang.

Program yang berlangsung pada 16 hingga 17 Ogos 2026 itu dirasmikan oleh Ahli Parlimen Jelebu merangkap ADUN Pertang, YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias. YB Datuk Seri Haji Jalaluddin berkata BURU 5.0 bukan sekadar aktiviti rekreasi dan sukan memancing, sebaliknya menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mengurus sumber perikanan secara bertanggungjawab.

“Penyertaan seramai 600 peserta membuktikan aktiviti rekreasi perikanan mempunyai potensi besar untuk menjadi pemangkin ekopelancongan dan memberi limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat. Pada masa sama, program seperti ini dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan melindungi ikan asli dan menjaga ekosistem sungai,” katanya.

Beliau berkata pengurusan sumber sungai memerlukan penglibatan semua pihak termasuk komuniti memancing, masyarakat setempat dan agensi berkaitan bagi memastikan kelestarian sumber perikanan dapat dipelihara.

Baung ekor merah atau Redtail Catfish (*Hemibagrus wyckioides*) merupakan spesies ikan asing yang berasal dari Lembangan Sungai Mekong dan boleh mencapai panjang sehingga 130 sentimeter serta berat sehingga 80 kilogram. Spesies tersebut mula dikesan di Sungai Triang sejak awal 2022 dan dipercayai terlepas daripada kolam ternakan susulan banjir besar pada penghujung 2021.

Rekod pendaratan menunjukkan sebanyak 40 ekor baung ekor merah telah direkodkan bagi tahun 2026, termasuk 15 ekor yang berjaya ditangkap sempena BURU 5.0 hari ini. Daripada 15 ekor yang ditangkap pada hari ini, berat tangkapan direkodkan antara 100 gram hingga enam kilogram seekor.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Dengan mengambil kira rekod tahunan 2022 hingga 2026, jumlah pendaratan yang direkodkan adalah sebanyak 96 ekor berdasarkan penjumlahan rekod tahunan.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Encik Kasim Tawe, berkata rekod tangkapan tersebut menunjukkan penglibatan komuniti pemancing dalam membantu Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memantau dan mengurus kehadiran spesies ikan asing di perairan darat.

“Baung ekor merah ialah spesies asing dan kehadirannya dalam perairan tempatan berpotensi memberi tekanan kepada ikan asli melalui persaingan mendapatkan makanan dan habitat serta pemangsaan. Justeru, penglibatan komuniti pemancing melalui program seperti BURU 5.0 amat penting dalam membantu usaha pemantauan dan pengurusan spesies asing,” katanya.

Menurut beliau, usaha mengurus spesies ikan asing perlu dilaksanakan seiring dengan program pemuliharaan dan pengukuhan stok ikan asli bagi memastikan keseimbangan ekosistem sungai terus terpelihara. Sehubungan itu, sebanyak 10,000 ekor benih ikan baung sungai bernilai RM5,000 turut dilepaskan sempena BURU 5.0 bagi membantu pengukuhan sumber ikan asli di kawasan berkenaan.

Bagi Sungai Triang, sebanyak 228,800 ekor ikan asli bernilai RM65,607 telah dilepaskan bagi tempoh 2021 hingga 2025, manakala di seluruh Negeri Sembilan sebanyak 655,420 ekor benih ikan asli telah dilepaskan pada 2025 di 26 lokasi sungai.

“Pelepasan ikan asli ini merupakan antara langkah berterusan Jabatan bagi memperkukuh populasi ikan tempatan. Usaha ini perlu bergerak seiring dengan pengurusan spesies asing serta kesedaran masyarakat supaya tidak melepaskan ikan bukan tempatan ke perairan umum,” katanya.

Selain ekspedisi memburu baung ekor merah, BURU 5.0 turut menampilkan aktiviti mengoca ikan di Sungai Buloh, iaitu kaedah tradisional menangkap ikan yang mempunyai nilai warisan dan budaya masyarakat setempat. Aktiviti berkenaan turut menjadi medium pendidikan kepada generasi muda mengenai kaedah tradisional masyarakat terdahulu serta hubungan rapat komuniti dengan sumber perikanan sungai.

BURU 5.0 merupakan kesinambungan empat siri terdahulu, iaitu BURU 1.0 di Kuala Sungai Pikul, Sungai Triang pada 2022; BURU 2.0 di Kuala Kenaboi pada 2023; BURU 3.0 di Kampung Sungai Buloh pada 2024; dan BURU 4.0 di Empangan Sungai Buloh pada 2025.

Penganjuran BURU 5.0 turut berpotensi memberi limpahan ekonomi kepada komuniti melalui sektor makanan, penginapan, pengangkutan, peralatan memancing dan perniagaan kecil, selain memperkukuh potensi Jelebu sebagai destinasi ekopelancongan berasaskan rekreasi perikanan darat.

Jabatan Perikanan Malaysia menggalakkan masyarakat supaya melaksanakan aktiviti rekreasi perikanan secara bertanggungjawab dengan menjaga kebersihan sungai, memelihara habitat akuatik, mematuhi peraturan perikanan serta tidak melepaskan spesies ikan asing ke perairan umum.

Penganjuran BURU 5.0 diharap dapat terus menjadi platform kerjasama antara Jabatan, komuniti pemancing dan masyarakat setempat dalam mengurus impak spesies ikan asing, memperkukuh populasi ikan asli serta memastikan kelestarian ekosistem perairan darat untuk generasi akan datang.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/1/folders/1W2DuHd-8p8X-sV-a4BUx53u3M2AjbSIW>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my